

# Penyampaian Kandungan Hafazan al-Quran dan Murajaah di Tiktok: Analisis Kandungan dan Penglibatan Audiens Terhadap Pempengaruh Islam (*Delivery of Quran Memorization and Murajaah Content on TikTok: A Content and Audience Engagement Analysis of Islamic Influencers*)

Nurul Hayati binti Zahid

*Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia*

Norazman bin Alias

*Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia*

Nadiah binti Ramlan

*Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia*

## Abstrak

Fenomena media sosial seperti TikTok telah mencipta ruang baharu dalam penyebaran ilmu Islam, terutamanya dalam konteks hafazan al-Quran dan murajaah. Namun demikian, peralihan kaedah hafazan ke ruang digital ini menimbulkan jurang literatur berkaitan sejauh mana keberkesanan pementakan mesej dan penglibatan audiens mampu memelihara tradisi *talaqqi* serta kesahihan ilmu. Kajian ini bertujuan untuk: (i) menganalisis bentuk penyampaian kandungan hafazan al-Quran dan murajaah oleh pempengaruh Islam di platform TikTok; (ii) mengenal pasti pementakan mesej dakwah berdasarkan Teori Pementakan Robert M. Entman (1993); dan (iii) menganalisis tahap dan bentuk penglibatan audiens terhadap kandungan tersebut. Pendekatan kualitatif digunakan melalui analisis kandungan terhadap 50 video TikTok daripada beberapa akaun pempengaruh Islam yang aktif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bentuk penyampaian pempengaruh melibatkan strategi kreatif seperti teknik pengulangan dan motivasi rohani. Dari sudut pementakan mesej, pempengaruh berjaya menstrukturkan naratif dakwah melalui definisi masalah dan cadangan penyelesaian yang efektif. Manakala tahap penglibatan audiens menunjukkan hasil positif melalui pembentukan komuniti maya yang saling menyokong. Hal ini membuktikan bahawa TikTok berpotensi sebagai ruang alternatif bagi memperkaya inovasi kaedah hafazan al-Quran secara tidak formal, selaras dengan perkembangan era digital.

**Kata kunci:** Hafazan, Murajaah, TikTok, Pempengaruh, Pembelajaran

## Abstract

The rise of social media platforms such as TikTok has introduced a novel avenue for disseminating Islamic knowledge, particularly in Quranic memorization (*hafazan*) and revision (*murajaah*). However, the transition to digital platforms has created a literature gap regarding message framing effectiveness and audience engagement. Therefore, this study aims to: (i) analyze the forms of delivery of *hafazan* and *murajaah* content by the Islamic influencers on TikTok; (ii) identify the *dakwah* message framing based on Robert M. Entman's (1993) Framing Theory; and (iii) analyze the level and forms of audience engagement with the content. A qualitative content analysis was conducted on 50 TikTok videos. Findings reveal that the forms of delivery include creative strategies such as repetitive techniques and spiritual motivation. In terms of message framing, influencers successfully structured *dakwah* narratives through problem definitions and effective solutions. Meanwhile, the level of audience engagement indicate positive outcomes through the formation of supportive virtual communities. These results underscore TikTok's potential as an informal yet effective platform for innovating Quranic memorization practices in the digital era.

**Keywords:** *Hafazan, Murajaah, TikTok, Influencers, Learning*

Article Progress

Received: 09 January 2026

Revised: 23 January 2026

Accepted: 09 February 2026

## 1. PENGENALAN

Pendidikan tahfiz al-Quran merupakan salah satu tradisi Pendidikan Islam yang mempunyai kedudukan istimewa dalam masyarakat Muslim. Institusi tahfiz berperanan membentuk generasi *huffaz* yang bukan sahaja menguasai hafazan al-Quran, tetapi juga mampu mengamalkan dan menyebarkan ajaran Islam (JAKIM, 2020). Kaedah tradisional hafazan dan murajaah yang diamalkan di madrasah dan institusi tahfiz sejak dahulu terbukti berkesan, namun perkembangan semasa menuntut inovasi dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran (Azmil Hashim & Kamarul Azmi Jasmi, 2016). Seiring dengan perubahan zaman, teknologi digital dan media sosial telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat, khususnya generasi muda.

Walaupun fenomena ini semakin berkembang, masih kurang kajian akademik yang meneliti secara khusus bentuk penyampaian kandungan hafazan dan murajaah di TikTok serta corak penglibatan audiens terhadapnya. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menekankan aspek umum media sosial atau dakwah digital tanpa memberi fokus mendalam kepada pendidikan tahfiz. Jurang ini menimbulkan persoalan tentang sejauh manakah penyampaian hafazan dan murajaah melalui TikTok dapat menyumbang kepada pembelajaran, motivasi, dan sokongan komuniti.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis bentuk penyampaian kandungan hafazan al-Quran dan murajaah oleh pempengaruh Islam di platform TikTok, mengenal pasti pembingkai mesej dakwah yang digunakan dalam kandungan hafazan dan murajaah berdasarkan Teori Pembingkai Robert M. Entman (1993) dan menganalisis tahap dan bentuk penglibatan audiens terhadap kandungan hafazan dan murajaah al-Quran. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada literatur Pendidikan Islam dan dakwah digital, di samping menekankan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran di era teknologi semasa.

## 2. PERMASALAHAN KAJIAN

Perkembangan teknologi digital dan media sosial telah mengubah landskap penyampaian ilmu Islam, termasuk dalam bidang pendidikan tahfiz al-Quran. Platform seperti TikTok yang berasaskan video ringkas semakin digunakan oleh pempengaruh Islam untuk menyampaikan kandungan berkaitan hafazan dan murajaah al-Quran secara kreatif dan mudah diakses oleh masyarakat umum, khususnya generasi muda. Fenomena ini membuka ruang baharu kepada inovasi dakwah dan pembelajaran al-Quran di luar konteks formal institusi tahfiz, selaras dengan anjakan autoriti keagamaan dalam ruang digital (Zaid et al., 2022). Kajian oleh Ab. Aziz & Mohd Khairuldin (2022) turut mengesahkan bahawa TikTok kini menjadi wasilah dakwah yang dominan, namun kandungannya sering bersifat umum dan belum membincangkan metodologi hafazan yang sistematik.

Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada penggunaan media sosial secara umum dalam dakwah atau pendidikan Islam tanpa memberikan fokus khusus kepada penyampaian kandungan hafazan dan murajaah al-Quran (Salehudin et al., 2023). Sebagai contoh, walaupun terdapat kajian mengenai e-Tahfiz dan aplikasi hafazan, kajian-kajian tersebut lebih berorientasikan perisian (*software*) berbanding dinamik interaksi sosial dan pengaruh personaliti media sosial dalam memotivasikan penghafal al-Quran (Hassan et al., 2021). Selain itu, kajian yang meneliti bentuk pembingkai mesej, gaya penyampaian, serta penglibatan audiens terhadap kandungan hafazan di TikTok masih terhad. Aspek ini penting kerana keberkesanan dakwah digital bukan hanya bergantung kepada kandungan semata-mata, tetapi juga kepada bagaimana mesej tersebut disampaikan dan diterima oleh audiens bagi memastikan kelestarian budaya hafazan dalam kalangan generasi Z (Mustaffa et al., 2024).

Di samping itu, penggunaan TikTok dalam konteks pendidikan tahfiz turut menimbulkan persoalan berkaitan kesahihan penyampaian ilmu, pemeliharaan adab dan tradisi *talaqqi*, serta potensi mengkomersialkan kandungan al-Quran. Mohamad et al. (2021) dalam kajiannya menekankan bahawa pentingnya belajar secara bersemuka atau *musyafahah* bagi membetulkan bacaan al-Quran. Hal ini menjadi cabaran dalam platform seperti TikTok kerana video yang ditonton telah dirakam terlebih dahulu, menyebabkan tiada interaksi dua hala antara guru dan murid untuk memantau kesalahan bacaan secara serta-merta. Walaupun terdapat kebimbangan terhadap cabaran ini, masih belum jelas sejauh mana kandungan hafazan dan murajaah yang dikongsikan oleh pengengaruh Islam di TikTok dapat menyumbang kepada pemahaman, motivasi, dan sokongan komuniti penghafal al-Quran secara empirikal (Zamroni et al, 2023). Ketidakpastian ini menimbulkan keraguan terhadap kualiti bimbingan yang diterima audiens berbanding kaedah tradisional yang lebih mementingkan sanad, keberlangsungan tradisi *talaqqi* dan ketersambungan interaksi pedagogi dua hala antara guru dan murid (Mansor & Ali, 2025).

Sehubungan itu, terdapat keperluan untuk menjalankan satu kajian yang menganalisis secara sistematik penyampaian kandungan hafazan dan murajaah al-Quran di TikTok (Mohamad Jamil et al., 2024), serta meneliti corak penglibatan audiens terhadap kandungan tersebut. Kajian ini penting bagi mengisi jurang pengetahuan dalam literatur pendidikan tahfiz dan dakwah digital, serta menyediakan asas empirikal untuk memahami potensi dan cabaran penggunaan TikTok sebagai medium penyampaian ilmu al-Quran dalam kerangka pendidikan Islam moden.

### 3. OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis bentuk penyampaian kandungan hafazan al-Quran dan murajaah oleh pengengaruh Islam di platform TikTok, mengenal pasti pembingkaian mesej dakwah yang digunakan dalam kandungan hafazan dan murajaah berdasarkan Teori Pembingkaian Robert M. Entman (1993) dan menganalisis tahap dan bentuk penglibatan audiens terhadap kandungan hafazan dan murajaah al-Quran.

### 4. METODOLOGI

#### 4.1 Reka Bentuk Kajian dan Pendekatan

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan bagi menganalisis kandungan hafazan al-Quran dan murajaah oleh pengengaruh Islam di platform TikTok berdasarkan Teori Pembingkaian Robert M. Entman (1993) dan meneliti bentuk penglibatan audiens terhadap kandungan hafazan dan murajaah al-Quran terhadap enam pencipta kandungan di platform TikTok. Sebanyak 50 video telah dipilih sebagai sampel kajian berdasarkan kriteria tertentu, antaranya jumlah tontonan, interaksi pengguna (sukaan, komen dan perkongsian), serta kesesuaian dengan tema hafazan dan dakwah.

#### 4.2 Sumber dan Pemilihan Data

Data primer diperoleh secara langsung daripada pemerhatian kandungan video TikTok, meliputi unsur visual, verbal dan teks kapsyen. Data sekunder pula terdiri daripada bahan ilmiah seperti buku, artikel jurnal, dan laporan penyelidikan berkaitan komunikasi dakwah digital, pendidikan tahfiz, serta teori pembingkaian media. Sumber data utama kajian ini terdiri daripada video yang dimuat naik di platform TikTok oleh pengengaruh atau pencipta kandungan Islam yang secara terbuka mempromosikan ilmu hafazan dan murajaah al-Quran. Sebanyak 50 rakaman video dan siaran langsung (live) telah dikenal pasti berdasarkan kata kunci seperti *#hafazan*, *#murajaah*, *#alQuran*,

#*tahfiz*, #*tilawah*, serta nama-nama tokoh yang sering dikaitkan dengan bidang tahfiz dan dakwah digital seperti Ahmad Pirdaus (@pirdot.official), Syaurah Ishak (@syaurahishak), Abdul Qawiy (@qawiyaro), Iwana Aisyah (@iwanaaisyah) dan Dr Kamilin Jamilin (@drkamilinjamilin).

Pemilihan video dilakukan secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dengan beberapa kriteria inklusif, iaitu:

1. Kandungan video berkaitan secara langsung dengan pengajaran, pembelajaran, atau motivasi hafazan dan murajaah al-Quran.
2. Video mempunyai lebih daripada 1,000 tontonan untuk memastikan tahap penglibatan audiens yang signifikan.
3. Pencipta kandungan dikenal pasti sebagai tokoh atau mempengaruhi Muslim yang aktif dalam menghasilkan kandungan keagamaan.
4. Video dimuat naik antara tahun 2020 hingga 2025 bagi menjamin keterkinian data dengan trend semasa penggunaan media sosial.

### 4.3 Kaedah dan Peringkat Analisis Data

Untuk tujuan analisis, setiap video dikategorikan mengikut tema mesej seperti hafazan, murajaah, motivasi dan pesanan. Pendekatan ini membantu penyelidik mengenal pasti sejauh mana kekerapan tema tersebut muncul serta meneliti cara mesej dakwah disampaikan dan bentuk interaksi yang digunakan oleh setiap pencipta kandungan.

## 5. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian mengenai “Penyampaian Kandungan Hafazan al-Quran dan Murajaah di TikTok” menggunakan Teori Pembingkai Robert M. Entman (1993) yang merangkumi empat komponen utama: definisi masalah, tafsiran punca, penilaian moral dan cadangan penyelesaian. Analisis terhadap 50 video TikTok mempengaruhi Islam mendapati keempat-empat elemen ini wujud secara konsisten dalam naratif dakwah mereka. Strategi komunikasi yang diaplikasikan bukan sahaja menstrukturkan mesej dengan jelas dan berkesan, tetapi juga membentuk kerangka pemikiran alternatif yang berpotensi meningkatkan motivasi serta prestasi hafazan dalam kalangan pengikut.

### 5.1 Analisis Bentuk Penyampaian Kandungan Hafazan al-Quran dan Murajaah

Dapatan kajian menunjukkan bahawa bentuk penyampaian dakwah hafazan di TikTok bersifat hibrid, iaitu menggabungkan elemen tradisional *talaqqi* dengan kreativiti digital. Pengengaruh seperti Ahmad Pirdaus (@pirdot.official) dan Abdul Qawiy (@qawiyaro) menggunakan teknik penyampaian visual yang dinamik seperti penggunaan sari kata yang berwarna-warni untuk menunjukkan ayat al-Quran yang dibaca atau pengisian tips yang dikongsikan serta penggunaan mikrofon berkualiti tinggi bagi memastikan kejelasan suara.

Selain itu, bentuk penyampaian juga dikesan melalui kaedah penceritaan digital. Sebagai contoh, pengengaruh tidak hanya membaca ayat al-Quran, tetapi menunjukkan suasana sebenar seorang penghafal al-Quran yang sedang berjuang melawan rasa mengantuk atau gangguan persekitaran ketika murajaah. Bentuk penyampaian secara “POV” (*point of view*) ini menjadikan kandungan tersebut lebih dekat dengan audiens generasi Z yang menghargai ketulenan berbanding penyampaian kuliah formal yang bersifat kaku.

## 5.2 Pembingkai Mesej Dakwah Berdasarkan Teori Pembingkai Robert M. Entman (1993)

Penerapan Teori Pembingkai Entman (1993) dalam kajian ini membantu memahami bagaimana mempengaruhi Islam bukan sekadar menyampaikan, tetapi mengawal naratif hafazan. Dengan mendefinisikan masalah seperti ‘lupa hafazan’ atau ‘hilang motivasi’ dan memberikan penilaian moral iaitu amanah sebagai hamba Allah, mempengaruhi berjaya menukarkan persepsi audiens daripada melihat hafazan sebagai satu bebanan akademik kepada satu keperluan rohani. Proses pembingkai ini secara strategik membina cadangan penyelesaian yang praktikal, sekali gus menjadikan mesej dakwah tersebut mempunyai ketersambungan yang kuat dengan jiwa penonton.

### a) Definisi Masalah

Pengaruh mempengaruhi krisis hafazan sebagai isu disiplin dalam ruang digital. Masalah utama dikenal pasti sebagai kegagalan mengurus masa antara media sosial dan tanggungjawab murajaah (Pirdot, 2025a), gangguan notifikasi telefon pintar (Pirdot, 2025b), serta ketiadaan kaedah pengulangan yang sistematik (Pirdot, 2022a; 2022b). Dapatan ini selari dengan kajian Ibrahim et al. (2023) yang menekankan bahawa gangguan digital merupakan faktor utama yang menghakis daya fokus pelajar dalam proses kognitif yang kompleks seperti hafalan al-Quran. Faktor luaran seperti suasana pembelajaran fleksibel pasca-pandemik, kelemahan istiqamah, serta kekeliruan teknik hafazan turut menyumbang kepada kemerosotan prestasi (Pirdot, 2020a; 2020b; Syaurah, 2022a). Menurut Ahmad et al. (2024), peralihan kepada pembelajaran hibrid pasca-pandemik telah mewujudkan ‘*crisis of consistency*’ (krisis untuk istiqamah) dalam kalangan huffaz muda akibat ketiadaan pengawasan fizikal yang ketat dan struktur pembelajaran yang kurang formal. Secara rohani, masalah ini diperburuk oleh kegagalan meninggalkan maksiat dan ketiadaan penghayatan nilai al-Quran (Syaurah, 2025e; Iwana, 2023a). Contoh utama ialah video @qawiyaro yang mencecah 22.4 juta tontonan, yang mempengaruhi kepentingan *talaqqi* dalam memelihara kekuatan hafazan (Qawiyaro, 2025a; 2025b). Hal ini diperkukuhkan oleh Hassan dan Idris (2024) yang menyatakan bahawa ketiadaan elemen *musyafahah* atau pertemuan fizikal secara konsisten dalam pembelajaran digital sering menjadi punca utama kerapuhan kualiti hafalan dalam kalangan generasi baharu yang terlalu bergantung kepada aplikasi tanpa bimbingan guru secara langsung.



**Rajah 1:** Pengengaruh Qawiyaro membuat cabaran hafazan al-Quran secara spontan menerusi kempen kelolaannya di TikTok; “Sambung Ayat Quran Dapat RM100.”

## b) Tafsiran Punca

Punca kegagalan didiagnosis melalui kelemahan pengurusan spiritual dan pengaruh persekitaran digital yang melalaikan (Pirdot, 2021b). Hal ini selari dengan dapatan Yusof et al. (2023) yang membuktikan bahawa penggunaan media sosial secara tidak terkawal merupakan faktor dominan yang menyumbang kepada kemerosotan fokus dan kelesuan kognitif dalam kalangan pelajar aliran agama. Ketiadaan jadual murajaah mencerminkan kurangnya kesedaran terhadap nilai umur dalam Islam, sebagaimana peringatan Dr. Sheikh Ahmad Isa Al-Ma'sarawi tentang kemuliaan memenuhi masa muda dengan al-Quran (Syaurah, 2025i). Selain itu, kekurangan sokongan motivasi daripada persekitaran sosial (Pirdot, 2025c; Kamilin Jamilin, 2025) serta kurangnya pendedahan terhadap ganjaran bagi sahabat al-Quran atau *Sahib al-Quran* (Syaurah, 2025j) dikenal pasti sebagai punca utama. Zulkifli et al. (2024) menegaskan bahawa ketiadaan ekosistem sokongan yang padu daripada rakan sebaya dan keluarga sering kali menjadi punca pelajar tahfiz merasa terasing, yang seterusnya membawa kepada kegagalan mengekalkan momentum hafazan dalam jangka masa panjang. Gangguan teknologi dan suasana tidak kondusif semasa pembelajaran dalam talian turut mengakibatkan pelajar sukar fokus (Pirdot, 2021c; Iwana, 2024a). Dapatan ini turut disokong oleh Salleh et al. (2022) yang menyatakan bahawa persekitaran pembelajaran maya yang tidak terstruktur cenderung mengurangkan akauntabiliti pelajar terhadap kualiti hafalan mereka berbanding kaedah bersemuka secara tradisional.

## c) Penilaian Moral

Aspek moral mengaitkan pengabaian hafazan dengan isu keberkatan dan amanah sebagai *Hamalat al-Quran* (Imam An-Nawawi, 2022). Melupakan al-Quran dinilai sebagai kerugian spiritual yang besar, di mana audiens digesa untuk tidak berputus asa berdasarkan surah Yusuf ayat 87 (Pirdot, 2025d). Naratif ini diperkukuhkan oleh Abdullah et al. (2023) yang menyatakan bahawa identiti digital para penghafaz al-Quran perlu dipandu oleh etika kerohanian yang tinggi bagi memelihara kesucian institusi tahfiz dalam ruang siber. Penilaian ini menuntut kesucian niat, penjagaan adab, dan pemilihan waktu optimum untuk mencapai keikhlasan dalam menjaga kalam Allah (Syaurah, 2022b; 2025l). Hal ini selaras dengan kajian Roslan et al. (2024) yang mendapati bahawa peningkatan nilai moral dalam kandungan dakwah digital berkesan dalam membina rasa tanggungjawab dan amanah dalam diri audiens terhadap tanggungjawab agama mereka. Bagi pendidik, amanah tasmiq dinilai sebagai tanggungjawab besar yang menuntut ilmu dan adab yang tinggi (Syaurah, 2025n). Mohamad et al. (2024) menegaskan bahawa dalam era digital, kewibawaan moral seorang guru bukan sahaja terletak pada penguasaan teknikal bacaan, tetapi juga pada keupayaan mereka untuk menjadi teladan yang baik yang menjaga integriti ilmu dan adab dalam ekosistem pembelajaran maya.

## d) Cadangan Penyelesaian

Pempengaruh menawarkan solusi praktikal melalui penyusunan jadual harian yang terancang (Pirdot, 2025e) dan perubahan sikap dalam mengawal penggunaan media sosial (Pirdot, 2022c). Pendekatan ini selari dengan pandangan Yahaya et al. (2023) yang menegaskan bahawa pengurusan masa dan disiplin sendiri merupakan teras utama dalam mengekalkan kualiti hafalan bagi pelajar generasi Z. Teknik pengulangan secara berperingkat, iaitu berdasarkan tahap penguasaan juzuk dicadangkan untuk mengekalkan motivasi. Strategi ini disokong oleh Mustafa et al. (2023) yang menyatakan bahawa kaedah pembelajaran mikro (*micro-learning*) melalui video pendek berupaya meningkatkan daya tumpuan pelajar terhadap subjek yang dianggap kompleks dan menuntut


komitmen tinggi seperti tahfiz. Solusi ini turut merangkumi pemilihan waktu *afdhal* seperti sebelum Subuh dan penciptaan persekitaran pembelajaran yang bebas gangguan (Pirdot, 2020d). Pendidik pula disarankan meningkatkan kredibiliti dengan menjaga adab semasa sesi tasmik (Syaurah, 2025o). Akhir sekali, masyarakat digesa memanfaatkan platform digital sebagai medan dakwah yang mengangkat kehebatan al-Quran (Qawiyaro, 2025e; 2024b). Hal ini diperkukuhkan oleh Hamid et al. (2024) yang melihat peranan pengengaruh digital sebagai ejen perubahan (*agent of change*) yang mampu menstruktur semula ekosistem pendidikan Islam secara tidak formal melalui naratif yang lebih inklusif dan mudah diakses.



**Rajah 2:** Salah satu aspek yang menarik tentang akaun @pirdot.official adalah keterlibatan yang tinggi dengan pengikutnya. Beliau sering menjawab soalan yang diajukan oleh pengikut di ruang komen dan mengadakan sesi langsung untuk berinteraksi bersama pengikutnya di TikTok.



**Rajah 3:** Pemilik akaun @iwanaaisyah sering turun padang untuk menjalankan program perkongsian ilmu hafazan bersama pelajar yang berpendidikan tahfiz al-Quran.



**Rajah 4:** Tangkap layar daripada akaun TikTok @qawiyaro yang aktif berdakwah melalui hafazan al-Quran kepada orang awam, pelajar tahfiz, dan rakan-rakan selebriti.



**Rajah 5:** Siaran langsung di TikTok yang bertarikh 14 Oktober 2025, Abdul Qawiy membaca surah Yasin dan surah al-Waqiah sebagai amalan pada waktu pagi

### 5.3 Tahap dan Bentuk Penglibatan Audiens terhadap Kandungan Hafazan dan Murajaah

Analisis terhadap metrik digital bagi 50 video yang dikaji menunjukkan tahap penerimaan audiens yang amat memberangsangkan terhadap kandungan hafazan di TikTok. Secara keseluruhan, kesemua video ini mencatatkan jumlah tontonan terkumpul melebihi 23.7 juta tontonan, dengan julat tontonan yang meluas antara 10,400 sehingga mencecah 22.9 juta tontonan bagi setiap video. Dari segi interaksi aktif, kandungan ini berjaya mengumpul purata tanda suka (*likes*) yang signifikan serta jumlah simpanan (*saves*) dan komen yang tinggi, terutamanya bagi kandungan berbentuk cabaran interaktif dan tips praktikal. Statistik ini membuktikan wujudnya minat yang konsisten dalam kalangan audiens terhadap kandungan agama yang disampaikan secara kreatif, sekali gus

menggambarkan keberkesanan TikTok sebagai medium penyebaran motivasi al-Quran yang berimpak tinggi. Data terperinci bagi pengengaruh utama dirumuskan dalam Jadual 1:

**Jadual 1:** Rumusan data tahap penglibatan audiens tertinggi di TikTok

Pempengaruh	Kandungan Utama	Jumlah Tontonan	Tanda Suka (Likes)	Komen & Simpan (Save)
@qawiyaro	Cabaran sambung ayat hafazan	22,900,000	2,200,000	194,000
@pirdot.official	Tips konsisten untuk murajaah hafazan	262,500	32,500	5,332
@syaurahishak	Teguran untuk menghayati ayat hafazan	420,100	54,900	8,975
@drkamilinjamilin	Cara menjaga hafalan al-Quran	148,100	17,500	3,970
@iwanaaisyah	Tips elak malas membaca al-Quran	10,400	571	133

Bentuk penglibatan audiens bukan sekadar dibuktikan melalui angka, malah melalui maklum balas tekstual di ruangan komen yang mencerminkan impak spiritual. Sebagai contoh, pada video @qawiyaro yang mencatatkan penglibatan tertinggi, salah seorang penonton memberikan komen motivasi: “*Terima kasih Qawiy, video ini buat saya semangat nak sambung hafal balik surah yang sudah lama saya tinggal.*” Respon seumpama ini membuktikan bahawa kandungan hafazan di TikTok berjaya membina sebuah komuniti maya yang saling menyokong, seterusnya mencetuskan motivasi tingkah laku (*behavioral motivation*) dalam kalangan pengikut untuk kembali mendampingi al-Quran secara istiqamah.

#### 5.4 Perbincangan: Implikasi TikTok Terhadap Model Pendidikan Tahfiz Digital

Hasil kajian ini secara tuntas menunjukkan bahawa platform TikTok kini berfungsi sebagai sebuah ekosistem sokongan digital yang melengkapi ekosistem pendidikan tahfiz sedia ada. Dapatan ini selari dengan kajian Zaid et al. (2022) yang menekankan bahawa autoriti keagamaan kini telah beralih ke ruang digital, di mana pengengaruh berjaya membina naratif agama yang lebih dekat dengan realiti kehidupan audiens.

Dari sudut pedagogi, implikasi kajian ini memberi isyarat kepada pendidik tahfiz untuk memperkukuhkan lagi strategi motivasi sedia ada dengan memanfaatkan daya tarikan media sosial sebagai agen pengukuhan (*reinforcement agent*). Memandangkan isu disiplin dan sikap pelajar yang sering mengambil mudah terhadap proses hafazan menjadi cabaran utama masa kini, pendekatan digital ini wajar dijadikan wasilah sokongan untuk membangkitkan kembali rasa tanggungjawab pelajar terhadap amanah hafazan mereka. Hal ini selaras dengan pandangan Ab. Aziz dan Mohd Khairuldin (2022) bahawa kandungan video pendek merupakan wasilah dakwah yang paling efektif dalam menarik perhatian generasi muda yang terdedah kepada gangguan teknologi yang melalaikan.

Oleh itu, penggunaan kandungan hafazan di TikTok bukan bertujuan menggantikan peranan guru, tetapi bertindak sebagai alat bantu yang lebih relevan dalam bersaing dengan kandungan hiburan lain. Melalui pementakan mesej yang sistematik berasaskan empat elemen Entman (1993) iaitu mendefinisikan masalah, mentafsir punca, penilaian moral dan cadangan penyelesaian, pendidik boleh menawarkan perspektif baharu dalam bimbingan murajaah. Dengan menyuntik elemen kreativiti digital ini, institusi tahfiz dapat merapatkan jurang antara tradisi talaqqi yang tegas dengan keperluan psikologi generasi Z dan seterusnya, sekali gus mendidik pelajar supaya lebih menghargai kemudahan teknologi untuk tujuan ibadah dan pembangunan diri.

## 6. KESIMPULAN

Kajian ini telah berjaya membuktikan bahawa penyampaian kandungan hafazan al-Quran dan murajaah di platform TikTok bukan sekadar trend media sosial, malah merupakan satu inovasi dakwah digital yang mempunyai struktur komunikasi yang terancang. Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan rumusan terhadap tiga aspek utama yang menjadi tunjang penyelidikan:

Pertama, dari aspek bentuk penyampaian, didapati pempengaruh Islam berjaya menggabungkan elemen tradisional talaqqi dengan kreativiti multimedia yang dinamik. Penggunaan video pendek yang interaktif, teknik visual yang menarik, serta gaya penyampaian POV (*Point of View*) telah menjadikan proses pembelajaran hafazan lebih dekat dan mudah diakses oleh generasi muda. Hal ini membuktikan bahawa medium digital mampu menjadi jambatan bagi mengekalkan kelangsungan budaya mencintai al-Quran di luar ruang lingkup institusi formal.

Kedua, melalui aplikasi Teori Pembingkai Robert M. Entman (1993), kajian ini secara sistematik mengenal pasti pembingkai mesej dakwah yang digunakan. Mesej-mesej pempengaruh dibina melalui empat elemen utama iaitu mendefinisikan masalah (isu disiplin dan gangguan digital), mentafsir punca (kelemahan spiritual dan pengurusan masa), membuat penilaian moral (amanah sebagai Hamalat al-Quran), dan mencadangkan penyelesaian (teknik murajaah praktikal). Bingkai mesej ini berfungsi untuk menstrukturkan pemikiran audiens supaya melihat hafazan sebagai satu tanggungjawab moral dan spiritual yang perlu diperjuangkan di tengah-tengah pengaruh kandungan hiburan yang melalaikan.

Ketiga, analisis terhadap tahap dan bentuk penglibatan audiens menunjukkan respon yang sangat positif. Tahap interaksi yang tinggi melalui tanda suka (*likes*), perkongsian (*shares*), dan komen-komen yang membina menunjukkan wujudnya sebuah komuniti maya yang saling menyokong dalam perjalanan menghafaz al-Quran. Keberhasilan ini menegaskan bahawa TikTok mempunyai potensi besar sebagai platform digital yang berupaya mempengaruhi tingkah laku positif audiens terhadap pembelajaran al-Quran.

Sebagai rumusan, kajian ini menyumbang secara signifikan dari sudut teoritikal dengan mengadaptasi Teori Pembingkai Entman (1993) dalam konteks pendidikan tahfiz digital, sekali gus mengisi jurang literatur yang selama ini lebih tertumpu kepada dakwah secara umum. Dari sudut praktikal, hasil kajian ini memberi implikasi kepada para pendidik, pempengaruh, dan institusi pendidikan Islam untuk terus proaktif dalam membangunkan strategi pedagogi digital yang efisien. Adalah diharapkan agar kajian akan datang dapat memperluas skop analisis terhadap impak jangka panjang pengajian al-Quran melalui media sosial bagi menjamin kualiti bacaan dan pemeliharaan adab *talaqqi* yang syumul dalam era teknologi masa kini.

## 7. PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

## RUJUKAN

- Ab Halim, Iwana Aisyah. 2023. Tips mula hafaz al-Quran. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvPAsHL/>
- Ab Halim, Iwana Aisyah. 2024. Tips kekalkan hubungan dengan al-Quran. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDv5hjr8/>
- Ab. Aziz, S. S., & Mohd Khairuldin, N. F. (2022). Medium TikTok sebagai wasilah dakwah masa kini: Analisis terhadap video pendek keagamaan. *Jurnal 'Abqari*, 26(2), 211-230.
- Ab. Aziz, S. S., & Mohd Khairuldin, N. F. (2022). Medium TikTok sebagai wasilah dakwah masa kini: Analisis terhadap video pendek keagamaan. *Jurnal 'Abqari*, 26(2), 211-230. (Justifikasi: TikTok sebagai wasilah dakwah tetapi masih bersifat umum).
- Abd Rashit, Abdul Qawiy. 2024a. Tips hafaz al-Quran bersama selebriti. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvsFLaK/>
- Abd Rashit, Abdul Qawiy. 2025a. Kehebatan al-Quran. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvgCy4g/>
- Abd Rashit, Abdul Qawiy. 2025b. Rancangan Hype Hafiz S3 di Astro: Tebuk al-Quran. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvp1Phs/>
- Abd Rashit, Abdul Qawiy. 2025c. Perkongsian kisah Imam As Syafie jaga diri dari dosa untuk pelihara hafazan. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvpBgOC/>
- Abdullah, M. R., Sidek, S., & Hassan, A. (2023). Digital Identity and Quranic Ethics: Navigating Spiritual Integrity in Social Media. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 11(2), 15-32.
- Ahmad, R., Nasir, B. M., & Aris, A. S. (2024). Cabaran Kelestarian Hafazan Pasca-Pandemik: Analisis Terhadap Disiplin Huffaz Muda di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam*, 10(1), 75-92.
- Al-Quran, M. W. M. (2022). *Traditional media versus social media: Challenges and opportunities*. *Technium*, 4(10), 145–160. <https://doi.org/10.47577/technium.v4i10.8012>
- Azmil Hashim & Kamarul Azmi Jasmi. (2016). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chew, M., Murat, R., & Justine, K. (2023). Tahfidz Al-Quran learning methods with superior class programs. *Journal Neosantara Hybrid Learning*, 1(1), 37–53. <https://doi.org/10.55849/jnhl.v1i1.83>
- Entman, R. M. (1993). Framing: Toward clarification of a fractured paradigm. *Journal of Communication*, 43(4), 51–58.
- Fadlillah, N., Rusydiyah, E. F., & Tolchah, M. (2025). The pedagogical impact of technological innovations on Qur'anic learning: A systematic literature review. *Tarbawi: Jurnal Ilmu Pendidikan*, 21(1), 97–112. <https://doi.org/10.32939/tarbawi.v21i1.4426>
- Hamid, A. R., Mohd Hassan, N., & Ismail, S. (2024). Digital Da'wah and Modern Pedagogy: The Role of Social Media Influencers in Islamic Education. *Journal of Islamic Thought and Civilization*, 14(1), 45-62.
- Hassan, A., & Idris, M. F. (2024). Tradisi Talaqqi vs. Digitalisasi: Menilai Kualiti Hafalan al-Quran dalam Era Media Sosial. *Jurnal 'Abqari*, 32(1), 15-33.

- Hassan, N. H., Ahmad, K., & Azmi, N. (2021). Tantangan dan peluang pembelajaran Tahfiz al-Quran secara dalam talian di Malaysia. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5(1), 45-56. (Justifikasi: Fokus kajian terdahulu adalah pada sistem/software, bukan pada pengaruh).
- Ibrahim, M. S., Roslan, N. A., & Mat Rashid, A. (2023). Impak Gangguan Digital Terhadap Fokus Pembelajaran Pelajar Aliran Agama: Satu Tinjauan Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002314.
- Imam An-Nawawi, 2022. Terjemahan Kitab *At Tibyan Fi Adabi Hamalatil Quran* (Adab Berdamping dengan Al-Quran). Galeri Ilmu Sdn Bhd.
- Ishak, Syaurah. 2022a. “Boleh ke baca al-Quran dengan niat untuk mengulang hafazan?” *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvSHVFC/>
- Ishak, Syaurah. 2022a. Tips hafazan Quran untuk pemula. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvPL4Np/>
- Ishak, Syaurah. 2022b, Bagaimana nak seimbangkan al-Quran dan akademik (2). *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSUSLKg6J/>
- Ishak, Syaurah. 2025a. Bersusah payahlah dalam proses menghafaz al-Quran supaya mudah mengulang. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvAwMDs/>
- Ishak, Syaurah. 2025b. Cara nak kekalkan hafazan adalah dengan cara mengulang. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvDU8yv/>
- Ishak, Syaurah. 2025c. Petikan kata-kata Dr Sheikh Ahmad Isa tentang umur. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvDSHxR/>
- Ishak, Syaurah. 2025d. Fasa hafazan ada naik & turunnya. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvUd2A1/>
- Ishak, Syaurah. 2025e. Pesanan untuk yang hilang semangat hafaz Quran. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvU5KNp/>
- Ishak, Syaurah. 2025f. Hafaz al-Quran namun tak dapat tinggal maksiat. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvybpAR/>
- Ishak, Syaurah. 2025g. Hadis untuk semangat hafaz 30 juz Quran. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvFYdL/>
- Ishak, Syaurah. 2025h. “Kenapa Allah masih pilih untuk hafal Quran walaupun dia lambat hafal?” *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvvoVev/>
- Ishak, Syaurah. 2025i. Doa agar hafazan jadi pendinding dari dosa. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvfeEd4/>
- Ishak, Syaurah. 2025j. Perkongsian cara bacaan Sifir Mustatir. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvfavCE/>
- Ishak, Syaurah. 2025k. Persediaan untuk guru tasmik. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvPYfPt/>
- Ishak, Syaurah. 2025l. Bagaimana nak seimbangkan al-Quran dan akademik (1). *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSUSNBD0M/>
- Ishak, Syaurah. 2025m. Bagaimana nak seimbangkan al-Quran dan akademik (3). *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSUSNkqD1/>

- Ismail, S., Yusoff, H. M., Husin, H., Salleh, N. M. M., Lokman, K., Saad, M. F. A. M., & Affindi, M. I. B. S. (2025). *Teknologi media dalam pembelajaran Tahfiz di Malaysia: Kelebihan dan cabaran [Media technology for Tahfiz learning in Malaysia: Advantages and challenges]*. E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi Islamic Innovation Center for Technology, UIS, 12(3), 179–191. <https://doi.org/10.53840/ejipi.v12i3.267>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2020). *Sejarah dan perkembangan pendidikan Tahfiz Al-Quran di Malaysia: Edisi II*.
- Jamilin, Kamilin. 2025. Ibu bapa paksa anak masuk tahfiz. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvPbDX2/>
- Jamilin, Kamilin. 2025. Tips jaga hafazan al-Quran. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvPCq2D/>
- Jemy, Muhammad Syazani. 2025. Hafal Quran kemudian lupa, adalah rahmat Allah untuk lebih dekat dengan al-Quran. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvUWW3y/>
- Mansor, M. I., & Ali, N. (2025). Digitalisasi Talaqqi: Cabaran mengekalkan sanad dan adab dalam pengajian al-Quran di media sosial. *Jurnal Pengajian Islam Malaysia*, 9(1), 45-62.
- Mohamad Jamil, N. M., Salleh, M. H., & Abdul Malek, A. H. (2024). Peranan aplikasi TikTok dalam perkembangan pendidikan Tajwid Al-Quran. Dalam E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-9 (PASAK9 2024) (Hlm. 892–901). USIM. e-ISSN:2811-4051f. [https://conference.uis.edu.my/pasak/images/eprosiding/bm/pasak92024-091-Maghfiroh\\_Jamil-USIM.pdf](https://conference.uis.edu.my/pasak/images/eprosiding/bm/pasak92024-091-Maghfiroh_Jamil-USIM.pdf)
- Mohamad, M. Z., Zakaria, M. A., & Ismail, A. (2021). Kelestarian kaedah talaqqi dan musyafahah dalam pengajian al-Quran era digital. *International Journal of Islamic Studies*, 4(2), 12-25.
- Mohamad, R., Ahmad, N., & Zulkifli, H. (2024). Kewibawaan Murabbi dalam Era Digital: Analisis Terhadap Adab dan Etika Guru Al-Quran. *Jurnal 'Abqari*, 30(1), 45-59.
- Mohamed, S. N., Mohamed, S. N., & Yusoff, S. (2025). Peranan Pempengaruh Digital di TikTok dalam Penyebaran al-Quran dan Hadis: Satu Tinjauan Naratif : The Role of Digital Influencers on TikTok in Disseminating the Qur'an and Hadith: A Narrative Review. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 6(1), 193-209. Retrieved from <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/374>
- Mustafa, Z., Ab. Aziz, S. S., & Mohd Khairuldin, N. F. (2023). Micro-learning in Religious Education: Analyzing the Effectiveness of Short Videos for Memorization Motivation. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(5), 1120-1135.
- Mustaffa, N. F., Hassan, H., & Ramli, M. A. (2024). The influence of TikTok Islamic content on Gen Z's religious practices: A thematic analysis. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(2), 1201-1215.
- Roslan, N. A., Mat Rashid, A., & Ibrahim, M. S. (2024). Framing Moral Accountability in Digital Da'wah: A Content Analysis of Islamic Short Videos. *Malaysian Journal of Communication*, 40(1), 102-118.
- Saifullah, Ahmad Pirdaus. 2020a. Mengapa sukar ingat hafazan. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSD79ccXj/>
- Saifullah, Ahmad Pirdaus. 2020b. Cara hafal Quran semasa PKP online 1. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvBr85K/>

- Saifullah, Ahmad Pirdaus. 2020c. Cara hafal Quran semasa PKP online 2. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvBNWUG/>
- Saifullah, Ahmad Pirdaus. 2020d. Ajak murajaah daripada buka laman sosial. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDv7gBEr/>
- Saifullah, Ahmad Pirdaus. 2021a. Tips untuk elakkan mengantuk semasa hafaz. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSD7xdjUt/>
- Saifullah, Ahmad Pirdaus. 2021b. Nasihat untuk amalkan ulangan hafazan. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvBbrdN/>
- Saifullah, Ahmad Pirdaus. 2021c. Tips murajaah untuk pelajar tahfiz. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvB9qAH/>
- Saifullah, Ahmad Pirdaus. 2022a. Cara murajaah hafazan. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSD79Sowr/>
- Saifullah, Ahmad Pirdaus. 2022b. Waktu untuk hafazan dan murajaah. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSD79bYdT/>
- Saifullah, Ahmad Pirdaus. 2022c. Cara hafal Quran dengan pantas. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvWq7xE/>
- Saifullah, Ahmad Pirdaus. 2025a. Bagaimana nak konsisten murajaah. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDWs5HbC/>
- Saifullah, Ahmad Pirdaus. 2025b. Rasa penat hafal Quran. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDWGM6EW/>
- Saifullah, Ahmad Pirdaus. 2025c. Waktu sesuai untuk mengulang hafazan. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvBsc8B/>
- Saifullah, Ahmad Pirdaus. 2025d. Cara ingat hafazan adalah murajaah. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvWkEvc/>
- Saifullah, Ahmad Pirdaus. 2025e. Kelebihan menghafaz al-Quran. *TikTok*. <https://vt.tiktok.com/ZSDvWCn4K/>
- Salehudin, H., Mohamad Rasit, R., & Aini, Z. (2023). Penerimaan kandungan dakwah di media sosial dalam kalangan generasi Z. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(3), 117-128.
- Salehudin, H., Mohamad Rasit, R., & Aini, Z. (2023). Penerimaan kandungan dakwah di media sosial dalam kalangan generasi Z. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(3), 117-128.
- Salleh, M. A., Ibrahim, K., & Daud, N. (2022). Cabaran Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Secara Dalam Talian: Satu Analisis Terhadap Motivasi Pelajar. *Jurnal Pendidikan Islam*, 8(2), 112-125.
- Yahaya, M. F., Ramli, S., & Ahmad, A. (2023). Self-Regulated Learning and Time Management among Tahfiz Students: A Systematic Review. *Jurnal Pendidikan Islam*, 9(2), 88-105.
- Yusof, N. H., Ahmad, Z., & Bakar, A. R. (2023). Impak Media Sosial Terhadap Disiplin dan Fokus Pembelajaran Generasi Z: Perspektif Pendidikan Islam. *Journal of Islamic Educational Research*, 10(1), 34-50.

- Zaid, B., Fedtke, J., Shin, D. D., El Kadoussi, A., & Ibahrine, M. (2022). Digital Islam and Muslim Millennials: How Social Media Influencers Reimagine Religious Authority and Islamic Practices. *Religions*, 13(4), 335. <https://doi.org/10.3390/rel13040335>
- Zamroni, Hasan Baharun, & Intan Dewi Rukmana. (2023). The Tahfidzul Qur'an Program and Cultural Communication: Improving School Image. *Al-Fahim: Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, 5(1), 136–154. <https://doi.org/10.54396/alfahim.v5i1.552>
- Zulaecha, N. N., Hafidz, B. N. O. P., & Nashihin, H. (2023). Pemanfaatan media sosial sebagai dakwah digital dalam penyiaran agama kalangan kaum milenial di Instagram (Ustadz Hanan Attaki). *Attractive: Innovative Education Journal*, 5(2), 1–14. Universitas Muhammadiyah Surakarta & Institut Agama Islam Nahdlatul Ulama Temanggung, Indonesia. <https://doi.org/10.51278/aj.v5i2.763>
- Zulkifli, H., Mohamad, R., & Razak, A. A. (2024). Pengaruh Ekosistem Sosial Terhadap Kelestarian Hafazan Al-Quran dalam Kalangan Huffaz Muda. *Jurnal 'Abqari*, 31(1), 60-78.

Nurul Hayati binti Zahid (Corresponding author)

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA  
Email: [3242066@raudah.usim.edu.my](mailto:3242066@raudah.usim.edu.my)

Norazman bin Alias  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA  
Email: [norazman@usim.edu.my](mailto:norazman@usim.edu.my)

Nadiyah binti Ramlan  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA  
Email: [nadiahramlan@usim.edu.my](mailto:nadiahramlan@usim.edu.my)